

MAHATHIR

(1)

KUALA LUMPUR, 16 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MELANCARKAN KOMPUTER PERTAMA BUATAN MALAYSIA, ACCENT 2001, DENGAN HARAPAN IA MENJADI PETANDA KEPADA KEMUCULAN SATU GENERASI BARU USAHAWAN MALAYSIA DI BIDANG TEKNOLOGI TINGGI.

MEREKA MERUPAKAN KUMPULAN YANG BERANI MENCEBURI BIDANG TERTENTU DAN MUNCUL DENGAN BERJAYA DARI BIDANG-BIDANG ITU +YANG MALAIKAT SENDIRI TIDAK BERANI CEBURI,+ KATA PERDANA MENTERI SEMASA MELANCARKAN KOMPUTER PERIBADI DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

ACCENT 2001 DIBUAT OLEH ACCENT TECHNOLOGY SDN BHD DAN DIEDAR OLEH KOMPUSAT SDN BHD.

KEDUA-DUANYA ADALAH ANAK SYARIKAT MELEWAR CORPORATION, YANG MEMBELI TEKNOLOGI TERSEBUT, HAK MENGELUAR KOMPUTER DAN ALAT-ALAT KOMPONEN DARIPADA ACCENT TECHNOLOGY INC. AMERIKA SYARIKAT.

MENYIFATKAN LANGKAH SYARIKAT ITU SEBAGAI +PERKARA BAIK+, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP PIHAK LAIN AKAN MENCONTOHI USAHA ITU SAMA ADA DENGAN CARA YANG SAMA ATAU DALAM BIDANG LAIN YANG BELUM DITEROKAI DI NEGARA INI. -- LAGI.

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU PERCAYA RAKYAT MALAYSIA BOLEH BERJAYA SEPERTI ORANG LAIN JIKA MEREKA MENUMPUKAN MINAT DAN FIKIRAN TERHADAP SEBARANG USAHA YANG DILAKUKAN.

MENGENAI PEMINDAHAN TEKNOLOGI, PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT MALAYSIA NAMPAKNYA BERPANDANGAN BAHAWA ADALAH MENJADI TUGAS MEREKA YANG MEMILIKI TEKNOLOGI MELAKUKAN PEMINDAHAN, SEDANG MEREKA HANYA PERLU DUDUK TANPA BERBUAT SESUATU.

+ INI BUKAN CARANYA DAN TIDAK SEKALI-KALI HARUS DEMIKIAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYELAR MEREKA YANG TAMAK UNTUK BERKONGSI TEKNOLOGI MEREKA DENGAN ORANG LAIN.

DALAM BIDANG PERUBATAN, KATANYA, ORANG DI BARAT LEBIH SEDIA MEMINDAHKAN TEKNOLOGI MEREKA KEPADA ORANG LAIN TIDAK +SEPERTI KITA DI NEGARA INI.+

BELIAU BERKATA ANGGAPAN UMUM DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA MENGENAI PERKARA INI ADALAH SAMA SEPERTI HALNYA SEORANG BOMOH YANG TAHU CARA MENGUBATI SESUATU PENYAKIT TETAPI TIDAK MAHU MEMBERITAHU ORANG LAIN MENGENAI CARANYA.

+ SEKALIPUN JIKA IA BERITAHU, HANYALAH KEPADA ANAKNYA DAN DENGAN SYARAT ANAKNYA ITU BERKELAKUAN BAIK DAN DIKENAKAN PULA BEBERAPA SYARAT. SELALUNYA BOMOH ITU MATI TANPA MEMINDAHKAN TEKNOLOGI ITU,+ UJAR BELIAU. -- LAGI

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

(1)

TEKNOLOGI ITU SENDIRI TIDAK AKAN BERGUNA, KATANYA, KECUALI IANYA DIEDAR DAN +KITA TIDAK HARUS TERLALU IRI HATI TERHADAPNYA.+

MALAYSIA, MISALNYA, MEMELIHARA TEKNOLOGINYA DENGAN RASA IRI HATI, KHUSUSNYA, DALAM BIDANG GETAH DAN KELAPA SAWIT, OLEH KERANA MEMINDAHKANNYA MUNGKIN MEMBOLEHKAN ORANG LAIN +MENGUNAKAN TEKNOLOGI ITU UNTUK MENENTANG KITA DALAM BIDANG YANG SAMA.+

PENGARAH URUSAN KUMPULAN MELEWAR, TUNKU ISKANDAR YAKIN YANG ACCENT 2001 AKAN DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN TINGGI PENGELUARAN SEUMPAMA ITU DAN MENYERU ORANG RAMAI MENGIKIS SIKAP NEGATIF TERHADAP BARANG BUATAN TEMPATAN.

BELIAU BERKATA KILANG SYARIKAT ITU DI KAMPUNG PANDAN MEMASANG KIRA-KIRA 100 UNIT KOMPUTER SEBULAN PADA MASA INI, DAN MENINGKAT KEPADA 5,000 SETAHUN MULAI TAHUN DEPAN.

KANDUNGAN BAHAN TEMPATAN 40 PERATUS SEKARANG AKAN MENINGKAT KEPADA 60 PERATUS TAHUN DEPAN.

TIGA PULUH PERATUS PENGELUARANNYA ADALAH UNTUK PASARAN TEMPATAN DAN SELEBIHNYA UNTUK EKSPORT. -- BERNAMA.